



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS: 109/2025

PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN (KBS) KAMPUNG SUNGAI LUI, BATU 20, HULU LANGAT

14 DISEMBER 2025

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) melalui **Program Kampung Angkat MADANI (KAM)** telah mengambil langkah proaktif dan strategik untuk memperkasakan komuniti desa, sekali gus menterjemahkan seruan YAB Perdana Menteri mengenai kepentingan pembangunan kawasan luar bandar demi kesejahteraan rakyat.

Bagi merealisasikan objektif ini, KBS telah memilih **Kampung Sungai Lui, Batu 20, Hulu Langat, Selangor** sebagai lokasi Kampung Angkat MADANI (KAM) KBS bagi tahun 2025. Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Negeri Selangor, Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Dusun Tua, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat, Majlis Belia Daerah Hulu Langat serta persatuan belia dan komuniti setempat.

Pelbagai kerja menaik taraf dan pembaikan infrastruktur telah dijalankan termasuk menaiktaraf gelanggang serbaguna, menurap jalan dan parkir di masjid, menaiktaraf Pusat Komuniti, baik pulih gelanggang silat berbumbung, baik pulih Dewan Serbaguna serta kerja-kerja pembaikan gelanggang futsal dan bola jaring.

Selain pembangunan fizikal, pelbagai program pembangunan belia dan sukan juga telah dilaksanakan, antaranya program keusahawanan belia, sukan komuniti, aktiviti kesukarelawanan, latihan asas kemahiran TVET, klinik sukan, aktiviti seni dan muzik serta inisiatif **Rakan Muda**.

Program Kampung Angkat MADANI ini diyakini dapat memberi impak positif dan berpanjangan kepada komuniti Kampung Sungai Lui dengan penyediaan kemudahan yang lebih baik serta peluang pembangunan belia yang menyeluruh.

KBS berharap agar komuniti Kampung Sungai Lui dapat memanfaatkan sepenuhnya kemudahan dan program yang telah disediakan serta terus bekerjasama bagi memastikan kesinambungan projek ini. Dengan sokongan berterusan daripada semua pihak, KBS yakin Kampung Sungai Lui akan terus berkembang sebagai komuniti progresif, mampan dan sejahtera, selari dengan aspirasi kerajaan MADANI untuk kesejahteraan masyarakat luar bandar.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**



SENARAI PROJEK FIZIKAL DAN PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN DI KAMPUNG ANGKAT MADANI KBS 2025

PROJEK FIZIKAL

- a) Menaiktaraf 2 Gelanggang serbaguna di Lorong 3, Kampung Sungai Lui;
- b) Kerja-Kerja Menurap Jalan dan Tempat Letak Kenderaan di Masjid Kampung Sungai Lui;
- c) Menaiktaraf Pusat Komuniti dan Membaikpulih Perabot di Pusat Komuniti Kampung Sungai Lui;
- d) Menaiktaraf dan Membaikpulih Gelanggang Silat Berbumbung di Sekolah Kebangsaan Sungai Lui, Kampung Sungai Lui;
- e) Kerja-Kerja Baik Pulih Dewan Serbaguna;
- f) Pembaikan Gelanggang Futsal/Bola Jaring di Sungai Lui, Kampung Sungai Lui.

PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA DAN SUKAN

- a) Gotong Royong Menyelenggara Sistem Pendawaian Elektrik, Penyaman Udara dan Van Jenazah di Masjid Kg. Sungai Lui;
- b) Jelajah Promosi Rakan Muda@Hulu Langat;
- c) Program Pembangunan Usahawan Belia;
- d) Sukan@Komuniti Sg. Lui (Sukan Tradisional);
- e) *Riff & Rhythm* - Kelas Muzik Belia;
- f) *Startup Squad* – Kursus Asas *Artificial Intelligence* (AI), Asas Pendaftaran Badan Sukan dan Belia;
- g) Festival Kampung Sempena Kampung Angkat Madani KBS 2025;
- h) *Plogging* Komuniti Bersama Satria@Sg Lui;
- i) *Shuttle Hustle* - Klinik Badminton@ Sg. Lui;
- j) *Funkick* Futsal Sg. Lui;
- k) Mini Karnival Rakan Muda;
- l) *Bootcamp* Belia '*Rise & Lead*';
- m) *Smash & Serve* - Klinik Pickleball@ Sg Lui.